

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 7 JANUARI 2015 (RABU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	2 Pasukan mantap siber	Harian Metro
2	Lagi hujan monsun dijangka berlaku hari ini hingga 9 januari	Sinar Harian
3	Hujan monsun dijangka bermula hari ini hingga Jumaat	Utusan Malaysia
4	Hujan sampai Jumaat tiada kesan banjir	Berita Harian
5	Amaran angin kencang	Harian Metro
6	Monsoon to hit east coast today	New Straits Times
7	Musim sejuk bakal landa Malaysia	Kosmo
8	Suhu sejuk luar biasa penghujung Januari	Kosmo
9	Dalami ilmu sains forensik	Harian Metro
10	Hujan monsun dijangka bermula Rabu hingga Jumaat	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (IT@Metro): MUKA SURAT V7  
TARIKH: 7 JANUARI 2015 (RABU)

## 2 pasukan mantap siber

**CyberSecurity** Malaysia yang bernaung di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOS-TI) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang mewujudkan kerjasama strategik dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) khusus bagi di keselamatan siber.

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr Amirudin Abdul Wahab berkata, kerjasama penguurusan insiden keselamatan siber akan dimantapkan dengan Government Computer Emergency Response Team (GCERT) dan MyCERT (satu daripada jabatan dalam CyberSecurity Malaysia).

"Dalam bidang forensik



digital, CyberSecurity Malaysia akan menyediakan perkhidmatan ini kepada agensi kerajaan bagi kes insiden keselamatan siber yang membabitkan unsur perundangan, sanitasi dan pemulihan data," katanya.

"CyberSecurity Malaysia akan terus proaktif melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan ruang siber negara terpelihara," katanya pada majlis MoU yang mana MAMPU diwakili Datuk Wira Omar Kaseh.

**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (BANJIR) : MUKA SURAT 14**  
**TARIKH: 7 JANUARI 2015 (RABU)**

## Lagi hujan monsun dijangka berlaku hari ini hingga 9 Januari

**SHAH ALAM** - Satu lagi episod hujan monsun yang membawa hujan berserta angin kencang dijangka berlaku hari ini sehingga Jumaat 9 Januari ini.

Menurut **Jabatan Meteorologi**, hujan itu akan berlaku di Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor dan bahagian Pantai Barat, Kudat, Sandakan serta Tawau, di Sabah.

"Keadaan ini boleh menyebabkan banjir di kawasan-kawasan yang berkedudukan rendah.

"Sehubungan itu penduduk yang terdedah kepada risiko banjir dinasihatkan sentiasa mengikuti perkembangan cuaca terkini," menurut jabatan itu dalam satu kenyataan, semalam.

Kenyataan itu turut menyebut amaran angin kencang dan laut bergelora yang telah dikeluarkan pada 4 Januari akan berterusan sehingga 9 Januari.

"Keadaan ini akan menyebabkan angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40-50 kilometer sejam dengan ombak mencapai

ketinggian sehingga 3.5 meter. Keadaan angin kencang dan laut bergelora ini berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut," menurut jabatan itu.

Orang ramai dinasihatkan mendapatkan maklumat cuaca terkini melalui talian hotline 1-300-22-1638, laman web jabatan [www.met.gov.my](http://www.met.gov.my) dan laman sosial MetMalaysia di Facebook <https://www.facebook.com/malaysiamet> atau Twitter <https://twitter.com/malaysiamet>.



**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3**  
**TARIKH : 7 JANUARI 2015 (RABU)**

## Hujan monsun dijangka bermula hari ini hingga Jumaat

**KUALA LUMPUR 6 Jan.** - Satu lagi episod hujan monsun yang akan menyaksikan hujan berserta angin kencang dijangka berlaku bermula Rabu (7 Januari) hingga Jumaat (9 Januari) ini di beberapa negeri yang dilanda banjir sebelum ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dalam satu kenyataan hari ini berkata, negeri yang terlibat ialah Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor dan beberapa bahagian di Sabah iaitu di Pantai Barat, Kudat, Sandakan dan Tawau.

Keadaan ini boleh menyebabkan banjir di kawasan-kawasan yang berkedudukan rendah, menurut jabatan itu.

Justeru MetMalaysia mengingatkan penduduk yang tinggal di kawasan berisiko banjir supaya sentiasa mengi-

kuti perkembangan cuaca terkini.

Amaran angin kencang dan laut bergelora iaitu angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter yang dikeluarkan 4 Januari lepas juga akan berterusan sehingga Jumaat (9 Januari) ini.

Dalam tempoh itu juga orang ramai diinaskan supaya tidak menjalankan sebarang aktiviti rekreasi atau sukan laut berikutan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada bot-bot kecil.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat terkini cuaca melalui talian hotline MetMalaysia di 1-300-22-1638, laman web [www.met.gov.my](http://www.met.gov.my) atau laman sosial Facebook dan Twitter MetMalaysia. - BERNAMA

## Hujan sampai Jumaat tiada kesan banjir

**Kuala Lumpur:** Hujan monsun berserta angin kencang dijangka melanda Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor dan Sabah mulai malam ini, tetapi tidak mengakibatkan banjir.

Pegawai Meteorologi Kanan, Pusat Cuaca Nasional, Jabatan Meteorologi Malaysia, Dr Mohd Hisham Mohd Anip, berkata hujan monsun renyai-renyai dan sederhana itu diramal berterusan sehingga Jumaat.

Beliau berkata, luruan angin sejuk dari Tanah Besar China mula bergerak malam tadi dijangka menghampiri persisiran Semenanjung yang turut melanda Sandakan, Kudat dan Pantai Barat dan Tawau.

### **Sentiasa pantau perkembangan**

Beliau berkata, hujan monsun kali ini tidak sebanyak seperti episod sebelum ini, namun pihaknya sentiasa memantau sebarang perkembangan terkini fenomena cuaca.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi dalam kenyataannya memberi amaran angin kencang dan laut bergelora dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam di perairan Pahang, Johor Timur, Kelantan, Terengganu, Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Ombak dijangka mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dan berbahaya kepada bot kecil, sukan dan rekreasi laut.

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 10**  
**TARIKH: 7 JANUARI 2015 (RABU)**

**Kuala Lumpur**

### **Amaran angin kencang**

Angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam (KM/J) di sekitar perairan Condore, Reef North, Layang-Layang, Palawan, Samui, Tioman, Bunguran, Reef South, Kuching dan Labuan dijangka berterusan sehingga Jumaat.

Menurut kenyataan dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) jam 12.48 tengahari semalam, laut dijangka bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter.

"Keadaan angin dan laut ini berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap

ikan serta perkhidmatan feri," katanya.

Dalam perkembangan serupa, JMM turut mengingatkan penduduk di kawasan perairan Pahang, Johor Timur, Kelantan, Terengganu, Sarawak, Sabah (Pedalaman, Pantai Barat, Kudat) dan Wilayah Persekutuan Labuan supaya mengelak daripada sebarang aktiviti rekreasi laut dan bot kecil.

Ia berikutan jangkaan angin kencang Timur Laut berkelajuan 40 hingga 50 KM/J dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter di kawasan terbabit sehingga lusa.

